

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019

PEMBAYARAN FASA PERTAMA BSH 2019

A. Semakan Status Pembayaran

1. **S: Siapakah yang menerima pembayaran pada Fasa Pertama BSH 2019?**

J: Penerima BSH 2019 yang menerima bayaran Fasa Pertama adalah merujuk kepada pemohon yang lulus BSH 2018 bagi kategori berikut:

Bil.	Kategori
1.	Kahwin [pemohon (berumur 59 tahun dan ke bawah) dan pasangan Warganegara Malaysia]
2.	Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda (berumur 59 tahun ke bawah) yang mempunyai tanggungan
3.	Warga emas (60 tahun dan ke atas)
4.	Pedalaman <ul style="list-style-type: none">• Kahwin [pemohon (berumur 59 tahun dan ke bawah) dan pasangan Warganegara Malaysia]• Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda (berumur 59 tahun ke bawah) yang mempunyai tanggungan

2. **S: Kenapa saya tidak tersenarai sebagai penerima bayaran Fasa Pertama BSH 2019 walaupun telah lulus BSH 2018?**

J: Pemohon lulus BSH 2018 yang tidak layak menerima pembayaran Fasa Pertama BSH 2019 adalah seperti berikut:

- i. Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda (berumur 59 tahun dan ke bawah) yang tidak mempunyai tanggungan; atau
- ii. Bujang (berumur 59 tahun dan ke bawah) yang mempunyai tanggungan atau tidak mempunyai tanggungan; atau
- iii. Kahwin [pemohon (berumur 59 tahun dan ke bawah) dan pasangan Bukan Warganegara Malaysia]; atau
- iv. Permohonan BSH yang tidak membuat kemas kini permohonan daripada BSH 2016 (3 tahun berturut-turut)

3. S: Adakah saya layak untuk membuat permohonan BSH 2019 walaupun tidak tersenarai sebagai penerima pembayaran Fasa Pertama BSH 2019?

J: Ya. Anda layak untuk membuat Permohonan Baharu BSH 2019. Permohonan Baharu BSH 2019 boleh dibuat mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019.

4. S: Bagaimanakah saya boleh mengetahui yang saya adalah penerima bayaran Fasa Pertama BSH 2019?

J: Semakan status bayaran Fasa Pertama BSH 2019 boleh dibuat melalui:

- i. Portal Rasmi Bantuan Sara Hidup LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my> dengan memilih menu MyBSH > Semakan; atau
- ii. Aplikasi Semakan Bantuan Sara Hidup dengan memuat turun di *Play Store / App Store* pada telefon bimbit; atau
- iii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau
- iv. Hubungi MoF: 03-8882 4565 / 4566 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau
- v. Hadir ke LHDNM yang berhampiran; atau
- vi. Surat Makluman BSH 2019 diposkan kepada penerima yang layak berdasarkan alamat surat-menyurat yang didaftarkan pada permohonan BSH 2018

5. S: Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status Pembayaran Fasa Pertama BSH 2019 melalui Portal Rasmi BSH (<https://bsh.hasil.gov.my>)?

J: Pastikan anda telah mendaftar Nombor Telefon Bimbit semasa permohonan BSH 2018 bagi membolehkan semakan dibuat melalui Portal Rasmi BSH.

Semakan boleh dibuat di Menu MyBSH seperti berikut:

- i. Klik Menu MyBSH
- ii. Masukkan Nombor MyKad
- iii. Klik Butang Mohon TAC
- iv. Nombor TAC akan dihantar ke Nombor Telefon Bimbit
- v. Masukkan nombor TAC di ruangan yang disediakan dan klik butang Hantar
- vi. Paparan Skrin MyBSH dan pilih Semakan Status

6. S: Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya ingin menukarkan / mendaftar Nombor Telefon Bimbit?

J: Sekiranya anda penerima bayaran Fasa Pertama BSH 2019, anda boleh hadir ke LHDNM bagi mengemas kini / mendaftar Nombor Telefon Bimbit dengan mengisi Borang Kemas Kini Nombor Telefon Bimbit (BK-21) mulai 15 Januari 2019 atau semasa membuat kemas kini permohonan BSH 2019 mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019. Sekiranya anda bukan penerima bayaran Fasa Pertama BSH 2019, anda boleh membuat Permohonan Baharu dan mendaftarkan Nombor Telefon Bimbit mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019.

7. S: Saya membuat semakan MyBSH tetapi mesej yang dipaparkan adalah “Tiada Rekod”, apakah tindakan yang perlu saya lakukan?

J: Mesej berkenaan dipaparkan kerana anda tidak tersenarai sebagai penerima bayaran Fasa Pertama BSH 2019 (rujuk Jawapan bagi soalan 2) atau tidak pernah membuat Permohonan BSH sebelum ini. Oleh itu, anda boleh membuat Permohonan Baharu mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019.

8. S: Adakah saya perlu mohon Nombor TAC setiap kali menyemak status di MyBSH?

J: Tempoh sah Nombor TAC adalah selama 24 Jam daripada tempoh permohonan Nombor TAC berkenaan. Anda boleh menggunakan Nombor TAC yang sama untuk semakan sekiranya masih sah dan paparan seperti di bawah wujud sekiranya Nombor TAC berkenaan masih sah digunakan:

TAC masih lagi sah!

Sila gunakan TAC yang telah dihantar pada 31/01/2019 11:01:15 AM ke 0139XXXXXX. TAC tersebut sah sehingga 01/02/2019 11:01:15 AM.

Tempoh sah Nombor TAC adalah bergantung kepada pindaan dari semasa ke semasa

9. S: Apabila saya log masuk MyBSH dan masukkan Nombor TAC, paparan mesej “TAC Tidak Sah. TAC yang anda masukkan tidak sah. Sila cuba semula”. Apa yang perlu saya lakukan?

J: Anda perlu masukkan Nombor TAC yang betul dan masih sah tempoh.

10. S: Apabila saya log masuk MyBSH dan masukkan Nombor MyKad, paparan mesej “ Sila hadir ke Cawangan LHDNM untuk kemas kini No. Telefon”. Apa yang perlu saya lakukan?

J: Mesej berkenaan dipaparkan kerana Permohonan BSH sebelum ini tidak didaftarkan Nombor Telefon Bimbit. Oleh itu, anda perlu hadir ke Cawangan LHDNM bagi mendaftar Nombor Telefon Bimbit dengan mengisi Borang Kemas Kini Nombor Telefon Bimbit (BK-21) mulai 15 Januari 2019 atau membuat kemas kini permohonan BSH 2019 dan mendaftarkan Nombor Telefon Bimbit mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019.

11. S: Sekiranya saya tidak mempunyai Nombor Telefon bimbit, adakah saya boleh mendaftarkan Nombor Telefon bimbit anak saya?

J: Ya. Anda boleh mendaftarkan Nombor Telefon Bimbit yang mudah untuk dirujuk kerana Nombor TAC akan dihantar ke Nombor Telefon Bimbit yang didaftarkan berkenaan. Rujuk jawapan bagi soalan 6 untuk permohonan kemas kini Nombor Telefon Bimbit.

12. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status permohonan DALAM PROSES BAYARAN?

J: **DALAM PROSES BAYARAN** adalah merujuk kepada data pembayaran Fasa Pertama BSH 2019 dalam proses pengkreditan ke akaun mulai 28 Januari 2019.

B. Kaedah Pembayaran Fasa Pertama

1. S: Bagaimanakah kaedah pembayaran Fasa Pertama?

J: Kaedah pembayaran Fasa Pertama akan dikreditkan ke akaun pemohon yang telah didaftarkan pada BSH 2018. Bagi yang tiada akaun, anda akan menerima Surat Makluman Bayaran Fasa Pertama BSH 2019 untuk dibawa ke BSN bagi tujuan penunaian.

2. S: Sebelum ini saya menerima baucar bagi pembayaran BSH 2018, adakah pembayaran BSH 2019 masih melalui baucar?

J: Pembayaran BSH 2019 tidak melalui penunaian baucar tetapi anda akan menerima Surat Makluman Bayaran Fasa Pertama BSH 2019 untuk dibawa ke BSN bagi tujuan penunaian.

3. S: Saya tidak menerima sebarang Surat Makluman Bayaran Fasa Pertama BSH 2019, apa yang perlu saya lakukan?

J: Cetakan salinan Surat Makluman Bayaran Fasa Pertama BSH 2019 boleh dibuat melalui:

- i. Portal Rasmi Bantuan Sara Hidup LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my> dengan memilih menu MyBSH > Cetakan; atau
 - ii. Hadir ke LHDNM yang berhampiran
- Tarikh mula cetakan Salinan Surat Makluman Bayaran Fasa Pertama BSH 2019 adalah pada 1 Mac 2019.

4. S: Akaun yang saya telah daftarkan semasa BSH 2018 adalah tidak aktif, bagaimanakah kaedah pembayaran yang saya akan terima?

J: Anda akan menerima Surat Makluman Bayaran Fasa Pertama BSH 2019 untuk dibawa ke BSN bagi tujuan penunaian.

5. S: Sekiranya saya diisytiharkan muflis dan akaun yang saya daftarkan sebelum ini telah dibekukan, bagaimanakah saya boleh mendapatkan bayaran Fasa Pertama BSH 2019?

J: Tuan perlu merujuk kepada Jabatan Insolvensi Malaysia bagi mendapatkan kebenaran khas untuk pengeluaran wang BSH 2019 melalui akaun bank.

6. S: Adakah wakil dibenarkan untuk penunaian Fasa Pertama BSH 2019 bagi penerima BSH yang uzur / kurang upaya / sakit berpanjangan atau mempunyai halangan untuk membuat penunaian BSH di BSN dan siapakah yang dibenarkan untuk menjadil wakil berkenaan?

J: Ya. Wakil dibenarkan untuk membuat penunaian Fasa Pertama BSH 2019 bagi pihak penerima berkenaan.

Wakil yang dibenarkan untuk penunaian Fasa Pertama BSH 2019 adalah wakil yang telah didaftarkan oleh penerima di Bahagian D (Maklumat Waris) semasa Permohonan BSH 2018 dan mestilah terdiri daripada hubungan berikut:

- i. Ibu / Bapa
- ii. Pasangan
- iii. Anak
- iv. Adik-Beradik
- v. Cucu

7. S: Pemohon BSH telah meninggal dunia pada tahun 2018 tetapi menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2019. Adakah wakil boleh hadir untuk penunaian Fasa Pertama BSH 2019 penerima berkenaan?

J: Tidak. Pemohon yang meninggal dunia pada tahun 2018 tidak layak menerima BSH 2019. Oleh itu, wakil tidak dibenarkan untuk membuat penunaian Fasa Pertama BSH 2019.

8. S: Adakah penunaian Fasa Pertama BSH 2019 boleh dibuat oleh wakil sekiranya pemohon tidak mendaftarkan waris semasa Permohonan BSH 2018?

J: Ya tetapi pendaftaran waris perlu dilakukan terlebih dahulu dengan hadir ke LHDNM dan mengisi Borang Kemas Kini Maklumat Waris (BK-20) / Borang Permohonan BSH 2019 (BK-01) sebelum mewakilkan penunaian Fasa Pertama BSH 2019. Waris yang ingin didaftarkan perlu menepati hubungan pertalian seperti berikut:

- i. Ibu / Bapa
- ii. Pasangan
- iii. Anak
- iv. Adik-Beradik
- v. Cucu

9. S: Apakah dokumen yang perlu di bawa semasa mewakili penerima bagi penunaian Fasa Pertama BSH 2019?

J: Dokumen yang perlu dikemukakan oleh wakil / waris yang berdaftar adalah seperti berikut:

- i. Surat Makluman LULUS BSH 2019 Fasa Pertama penerima; dan
- ii. Kad pengenalan (asal atau salinan) penerima; dan
- iii. Kad pengenalan (asal) wakil; dan
- iv. Dokumen pembuktian pertalian antara penerima dan wakil / waris

Bil.	Hubungan Wakil / Waris	Dokumen pengesahan pertalian
1.	Ibu / Bapa	Sijil Kelahiran penerima
2.	Pasangan	a. Sijil Perkahwinan; ATAU b. Sijil Lahir Anak
3.	Anak	Sijil Kelahiran Wakil
4.	Anak Angkat	a. Sijil anak angkat yang dikeluarkan oleh JPN; ATAU b. Pengesahan Agensi Kerajaan (jika pemohon tiada sijil angkat) iaitu: i. Mahkamah; atau ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
5.	Anak Tiri	a. Sijil Lahir Wakil (anak tiri); DAN b. Sijil Perkahwinan Ibu / Bapa Tiri
6.	Adik Beradik	a. Sijil Kelahiran Penerima; DAN b. Sijil Kelahiran Wakil
7.	Cucu	a. Sijil Kelahiran Wakil (Cucu); DAN b. Sijil Kelahiran Ibu / Bapa kepada Wakil

- v. Dokumen sokongan yang mana berkaitan:
 - a) Surat Pengesahan daripada Penjara / Pusat Serenti (jika penerima berada di penjara atau Pusat Serenti); atau
 - b) Surat Pengesahan Majikan sebagai bukti penerima berada diluar negara kerana menjalankan tugas; atau
 - c) Surat pengesahan hospital jika penerima menerima rawatan di hospital; atau
 - d) Surat pengesahan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) / Pengusaha Rumah Jagaan; atau
 - e) Surat kebenaran / pengesahan daripada hospital / klinik / ketua kampung / Ketua Kawasan dan ke atas bagi penerima yang uzur (tidak berdaya untuk bergerak); atau
 - f) Kad OKU asal